

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dibimbangi hanya untungkan
syarikat insurans

TANGGUH DULU MYSALAM

Skim
mySalam
Perlindungan B40

» Kerajaan digesa
tanggung laksana
Skim Perlindungan
Nasional B40 atau
mySalam.

» Skim itu dikhuatiri
hanya untungkan
syarikat insurans, rakyat
pula tanggung sengsara.

» Presiden Ikatan
Pengamal Perubatan
dan Kesihatan Muslim
Malaysia (I-Medik), Prof. Dr.
Azmi Mohd. Nor berkata,
bayaran *one-off* RM8,000
tidak cukup tampung kos
rawatan dan susulan
sesetengah penyakit.



“Jumlah RM2 bilion
sumbangan Great Eastern
Takaful Bhd. ke dalam skim ini
menimbulkan tanda tanya dan
mengapa kerajaan perlu membayar
kadar premium sebanyak RM112
setiap individu kepada pihak
syarikat.”

AHMAD AMZAD HASHIM

Ahli Parlimen Kuala Terengganu

BERITA DI MUKA 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Gesa tarik semula mySalam, Peka B40

KUALA TERENGGANU 1 Feb.

- Kementerian Kesihatan digesa menarik balik pelaksanaan Skim Perlindungan Nasional B40 (mySalam) dan Skim Peduli Kesihatan (Peka B40) kerana timbul banyak tanda tanya berhubung bantuan baharu yang diperkenalkan kerajaan Pakatan Harapan (PH) itu.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Ahmad Amzad Hashim berkata, penarikan buat sementara waktu itu wajar sehingga beberapa perkara berkaitan pengurusan dan operasi dapat diperjelas secara terperinci kepada semua pihak.

Lebih mengecewakan, katanya, ramai dalam kalangan pemegang taruh sektor kesihatan termasuk pihak Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Konvensyen Saintifik Tahunan Persekutuan Persatuan Pengamal Perubatan Swasta Malaysia (FPMPAM) tidak dirunding terlebih dahulu dan bersetuju dengan skim tersebut.

"Skim mySalam melibatkan syarikat operator takaful luar negara (Singapura) dan berkait dengan polisi Bank Negara Malaysia (BNM). Jumlah RM2 bilion sumbangan Great Eastern Takaful Bhd. ke dalam skim ini menimbulkan tanda tanya dan mengapa kerajaan perlu membayar kadar premium sebanyak RM112 setiap individu kepada pihak syarikat?"

"Bagaimana sebenarnya perjanjian antara kedua-duanya? Adakah Great Eastern telah mengaut laba besar dalam skim ini?" soalnya.

Inisiatif mySalam yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun. Dr. Mahathir Mohamad pada 24 Januari lalu menawarkan perlindungan insurans dan takaful kesihatan secara percuma kepada golongan B40 yang menerima Bantuan Sara Hidup (BSH), dengan dijangka memberi manfaat kepada 3.69 juta rakyat berumur 18 hingga 55 tahun.

Bagi Peka B40 pula, penerima BSH berumur 50 tahun dan ke atas bakal menikmati empat manfaat iaitu perkhidmatan

INFO

- Perlindungan takaful kepada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40)
- Penerima berusia antara 18 dan 55 tahun serta menerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR)
- Penerima BSHR = 3.69 juta orang
- Penerima terima bayaran RM50 sehari jika jalani rawatan di hospital kerajaan, maksimum 14 hari setahun.
- Terima bayaran RM8,000 jika menghidap salah satu daripada 36 jenis penyakit kritikal.
- Syarikat insurans dan takaful Great Eastern sumbang RM2 bilion.
- Kerajaan guna sumbangan itu bayar kadar premium insurans perlindungan sosial RM112 bagi setiap penerima.

saringan kesihatan, bantuan perubatan, insentif melengkapkan rawatan kanser dan insentif tambang pengangkutan.

Walau bagaimanapun, Ahmad Amzad mempersoalkan adakah kerajaan akan menanggung sepenuhnya kos rawatan sekiranya seseorang penerima skim menghidap satu daripada 36 jenis penyakit kritikal atau adakah mereka hanya menerima pembayaran *one-off* sebanyak RM8,000 sahaja dan baki kos rawatan perlu ditanggung sendiri oleh individu tersebut.

"Sekiranya seseorang individu telah menghidap salah satu daripada 36 jenis penyakit kritikal sebelum 1 Januari 2019, adakah dia juga layak untuk mendapat manfaat skim ini?" soalnya.

Sehubungan itu, Ahmad Amzad turut menyarankan agar Kementerian Kesihatan dapat menerbitkan bahan rujukan yang terperinci mengenai kedua-dua skim tersebut.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : DALAM NEGERI

MySalam: Tangguh dulu, jangan gopoh

Oleh NURUL HUDA HASSAN
 dan FARHANA JONI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 FEB.

KENAPA tergopoh-gapah sangat hendak melaksanakan Skim Perlindungan Nasional B40 (Skim mySalam), sedangkan perkhidmatan kesihatan negara ketika ini antara yang terbaik di dunia?

Tidak semua perkara yang dilaksanakan di Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom boleh dicontohi kerana hakikatnya ketiga-tiga negara itu juga gagal dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat masing-masing.

Presiden Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Prof. Dr. Azmi Mohd. Nor berkata, kesihatan, pendidikan dan infrastruktur merupakan tiga bidang utama yang tidak patut diswastakan kerana akan memberi kesan jangka panjang kepada seluruh rakyat.

"Tangguh dan kaji secara mendalam. Jangan tergopoh-gapah melaksanakan skim itu sebab hanya menguntungkan syarikat insurans dan akhirnya

Skim



mySalam

Perlindungan B40

rakyat yang menderita.

"Bayaran *one-off* RM8,000 itu bukanlah jumlah yang besar, misalnya pembedahan apendiks sahaja mencecah RM7,000 dan jika pembedahan kanser usus pula boleh mencapai hingga RM25,000," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



DR. AZMI MOHD. NOR

Jelas Dr. Azmi, kos pembedahan kanser usus itu walau bagaimanapun belum mengambil kira rawatan susulan seperti radioterapi dan kimoterapi yang turut melibatkan perbelanjaan cukup besar.

Atas sebab itu, beliau yakin syarikat insurans akan menaikkan premium perubatan yang akhirnya menyebabkan kos rawatan di hospital turut meningkat.

"Mereka ini berniaga dan apabila semua ini naik siapa yang akan tanggung, sudah tentu kerajaan. Bagaimana kerajaan hendak mendapatkan sumber untuk menampung semua ini, naikan cukai yang akhirnya golongan pendapatan pertengahan (M40) semakin sengsara," katanya.

Pada 24 Januari lalu, Men-

teri Kewangan, Lim Guan Eng memberitahu, penerima skim mySalam akan mendapat bayaran sekali sahaja sebanyak RM8,000 jika dikenal pasti menghidap salah satu daripada 36 jenis penyakit kritikal.

Skim itu akan memberi bayaran harian sebanyak RM50 sebagai pendapatan gantian jika penerima menjalani rawatan di mana-mana hospital kerajaan untuk tempoh maksimum 14 hari setiap tahun atau bersamaan dengan RM700 setahun.

Dalam pada itu, Dewan Muda Johor (DMJ) dalam kenyataan berpendapat skim berkenaan secara terang-terangan mengetepikan golongan muda B40.

Hal ini kerana, menurut DMJ, melalui syarat penerimaan skim itu, kerajaan akan mengguna pakai data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan sudah tentu golongan muda B40 yang hampir tiga juta serta masih bujang tidak layak menerima manfaat mySalam.

Walaupun bagaimanapun, kata DMJ, jika data Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) yang diperkenalkan kerajaan terdahulu diguna pakai, maka golongan muda B40 tanpa mengira status sudah pasti layak menerima manfaat skim mySalam.

"Malangnya, kerajaan sekarang yang selalu mencanang slogan *#youthpower* dilihat sudah banyak mengetepikan kebajikan golongan muda pada hari ini," menurut DMJ dalam satu kenyataan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Ibu bapa dinasihati tidak terpedaya hujah golongan bukan ahli perubatan

Alasan dangkal golongan antivaksin

KUALA LUMPUR – Hujah agama yang diguna pakai golongan profesional bukan daripada bidang perubatan dan penjual produk-produk alternatif mengenai keburukan vaksin adalah antara punca ramai ibu bapa menolak pengambilan vaksin untuk kesihatan anak-anak mereka.

Seorang pakar perubatan kesihatan awam, Prof. Madya Dr. Malina Osman (gambar kecil) dari Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan Universiti Putra Malaysia berkata, ibu bapa yang termakan hujah kedua-dua golongan itu tidak lain hanya akan menyukarkan tugas kerajaan menangani kes penyakit kerintangan vaksin yang direkod meningkat saban tahun.

"Ramai ibu bapa tertipu dengan hujah antivaksin oleh golongan berpendidikan, namun bukan daripada bidang perubatan.

Mereka ini datang dari kepelbagaian latar belakang pengetahuan yang ditimba di luar dan dalam negara menyebabkan fakta-fakta kritikal berkaitan isu perubatan disalah tafsir (contohnya data berkaitan statistik dan inferen sesuatu penyelidikan) membuatkan masyarakat memandang vaksin membawa keburukan.

"Ini termasuklah hujah dipakai golongan penjual tidak bertauliah yang mempopularkan produk alternatif vaksin di pasaran dan tidak dinafikan di situ wujud unsur-unsur perniagaan yang mengutamakan keuntungan disandarkan atas nama kesihatan.

"Jika kita tengok di sebuah negara jiran sebelum ini, wujud sindiket penjualan vaksin palsu, jadi kita perlu ambil iktibar," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Da-



PENGUNAAN vaksin terbukti mampu melawan penyakit berbahaya seperti campak, batuk kokol dan tetanus atau penyakit kejang urat. – Gambar hiasan

tuk Dr. Noor Hisham Abdullah yang berkata, wujud kumpulan dan individu yang menggunakan pelbagai platform termasuk media sosial untuk menyebarkan berita palsu mengenai keburukan vaksin terhadap orang ramai seperti yang dilaporkan sebuah akhbar berbahasa Inggeris baru-baru ini.

Tambah Malina, golongan antivaksin cenderung menggunakan hujah agama seperti isu penggunaan bahan tidak halal, sedangkan isu berkenaan telah lama diatasi menggunakan teknik kejuruteraan sel yang menghasilkan vaksin tanpa penglibatan haiwan yang haram di sisi syarak. "Mereka cenderung meng-

klasifikasikan sebahagian besar bahan digunakan dalam vaksin berasal daripada bahan bertoksik dan haiwan yang haram di sisi syarak, walhal anggapan itu tanpa asas bukti penyelidikan yang kukuh.

"Kesemua vaksin yang dihasilkan perlu melalui sistem penghasilan yang ketat serta didokumenkan setiap proses, dos dan kesan sampingannya. Ujian klinikal melibatkan ribuan responden dari pelbagai kawasan geografi dan ia terbukti menghasilkan antibodi melawan penyakit berbahaya dengan izin Tuhan," katanya.

Tambahnya, pendekatan terhadap perubatan bagi penganut beragama Islam perlu menepati kaedah ditetapkan syarak antaranya mendahulukan kepentingan nyawa dan penggunaan vaksin terbukti mampu melawan penyakit berbahaya seperti campak, batuk kokol dan tetanus atau penyakit kejang urat. – Bernama

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

11 penduduk Tanjung Sepat disahkan hidap chikungunya

SHAH ALAM – Seramai 11 daripada 14 individu di Tanjung Sepat, Kuala Langat yang mengalami simptom demam serta sakit sendi selepas dikatakan pulang dari Hatyai, Thailand disahkan menghidap penyakit chikungunya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya telah melakukan tindakan kawalan dan pencegahan penyakit itu dengan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk serta aktiviti semburan kabus di sekitar kawasan Tanjung Sepat.

Katanya, buat masa ini kejadian tersebut adalah terkawal.



NOOR HISHAM

“Penyakit chikungunya adalah disebabkan oleh virus chikungunya yang disebarkan oleh nyamuk aedes iaitu jenis nyamuk yang sama menyebarkan penyakit denggi.

“Pesakit yang dijangkiti chikungunya akan mengalami demam, ruam, sakit badan dan sakit sendi yang boleh mengganggu pergerakan pesakit,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Pengarah Kesihatan Se-

langor, Datuk Khalid Ibrahim berkaitan kejadian demam dan sakit sendi dalam kalangan penduduk di Tanjung Sepat, Kuala Langat selepas pulang daripada Hatyai, Thailand.

Noor Hisham menegaskan, orang ramai khususnya boleh mengambil langkah-langkah pencegahan seperti sentiasa membersihkan persekitaran mereka, menggunakan ubat pembunuh jentik-jentik dan memasang jaring nyamuk.

Jelas beliau, masyarakat terutamanya di Tanjung Sepat yang mengalami simptom demam dan sakit sendi juga dinasihatkan mendapatkan rawatan lanjut di fasiliti kesihatan yang berdekatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : K2

PETIKAN



“ Mereka yang ingin merokok, kerajaan tidak larang tetapi mereka perlu menghormati mereka yang tidak merokok. Bagi restoran, perokok hendaklah merokok dalam jarak tiga meter supaya asap rokok tidak terkena kepada orang yang tidak merokok

DR. LEE BOON CHYE,
Timbalan Menteri
Kesihatan, sewaktu
sidang media selepas
merasmikan program
Kesedaran Penyakit
Rabies di Taiping, Perak
baru-baru ini.